



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

HAB TEKNOVASI UKM-MTDC DILANCARKAN, DORONG KOLABORASI UNIVERSITI-INDUSTRI MELALUI *SIGNATURE PROGRAM MTDC*

BANGI, 19 JUN 2025 – Universiti Kebangsaan Malaysia (“UKM”) dan Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (“MTDC”) agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melancarkan Hab Teknovasi UKM-MTDC, sebuah kemudahan strategik di bawah *Signature Program MTDC* yang bertujuan memperkukuh ekosistem inovasi negara menerusi pemeraksanaan penyelidikan, pembangunan bakat dan keusahawanan teknologi di peringkat universiti.

Hab Teknovasi ini diwujudkan menerusi kerjasama erat antara Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (“UKM-CESMED”) dan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (“FKAB”), dengan kerjasama MTDC, bagi menyediakan ruang inovatif kepada pelajar, penyelidik serta syarikat pemula akademik. Ia menempatkan makmal prototaip, ruang kerja kolaboratif dan bimbingan industri untuk menyokong proses pengkomersialan hasil penyelidikan serta pembangunan produk berteknologi tinggi yang bersedia untuk pasaran.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dato’ Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bertempat di FKAB, UKM. Turut hadir ialah Ahli Lembaga Pengarah UKM, Dato’ Yeow Wah Chin; Dekan

FKAB, Kol. Bersekutu (PA) Prof. Ir. Dr. Mohd Syuhaimi Ab Rahman; Naib Presiden Eksekutif, Bahagian Strategi Korporat Kumpulan MTDC, Puan Mariamah Hj. Daud; dan Pengarah UKM-CESMED, Prof. Madya Dr. Muhamad Azry Khoiry.

Menurut Naib Presiden Eksekutif, Bahagian Strategi Korporat Kumpulan, MTDC, Puan Mariamah Hj. Daud, sebanyak RM250,000 telah disalurkan kepada UKM di bawah *Signature Program MTDC*, termasuk pembangunan Maker Lab@UKM yang kini dikenali sebagai Hab Teknovasi UKM-MTDC.

“Hab ini bukan sekadar ruang fizikal, tetapi simbol komitmen bersama universiti, industri dan agensi kerajaan dalam mempercepat transformasi digital, membangunkan bakat dan mengkomersialkan hasil penyelidikan tempatan,” tambah beliau.

Kemudahan ini dilengkapi peralatan teknologi terkini seperti pencetak 3D, pemotong laser dan mesin CNC, sekaligus membolehkan pelajar mereka bentuk prototaip awal, menguji penyelesaian dan menzahirkan idea disruptif dalam bidang kejuruteraan, teknologi pintar serta kelestarian.

Hab ini juga menjadi pelantar pelaksanaan program Deep Tech@UKM, yang menerima Dana Keusahawanan KPT 2025 berjumlah RM97,000, untuk melatih pelajar dalam teknologi mendalam (deep tech), seiring cabaran Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) dan aspirasi negara dalam melahirkan bakat berdaya saing global. Matlamat utama Deep Tech@UKM adalah untuk membangunkan syarikat pemula pelajar yang berasaskan teknologi sekaligus memperkukuh ekosistem inovasi dan keusahawanan di universiti. Pembangunan fasiliti ini turut mengambil kira hasil lawatan penanda aras UKM ke pusat inovasi di UTM, UTP dan USIM bagi memastikan pendekatan terbaik diterapkan.

Menurut ahli Lembaga Pengarah UKM, Dato’ Yeow Wah Chin, “Penubuhan Hab Teknovasi ini bukan sekadar satu pencapaian fizikal dalam bentuk kemudahan dan peralatan, tetapi lebih penting, ia menjadi simbol komitmen UKM dalam menyemai budaya inovasi dalam kalangan mahasiswa serta memacu peranan universiti sebagai penggerak ekosistem teknologi dan keusahawanan negara.”

Inisiatif ini sejajar dengan Pelan Strategik MOSTI 2024–2030 yang menekankan R&D berorientasikan misi, kerjasama pintar awam-swasta, dan inovasi inklusif. Ia juga menyokong sasaran UKM dalam meningkatkan bilangan syarikat pemula yang diterajui pelajar dan projek keusahawanan sektor berimpak tinggi.

Hab Teknovasi UKM-MTDC dijangka menjadi pusat rujukan dan pemangkin utama pembangunan inovasi akademik, sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab inovasi serantau melalui kolaborasi universiti-industri yang mampan.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

**PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
MALAYSIAN TECHNOLOGY DEVELOPMENT CORPORATION (MTDC)
19 JUN 2025**



Tentang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Ditubuhkan pada 18 Mei 1970 di Bangi, Selangor, UKM ialah universiti kebangsaan pertama yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama, simbol aspirasi negara pasca-kemerdekaan. Diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia sejak 2006, UKM kini menawarkan program menyeluruh merangkumi bidang sains, teknologi, perubatan, kemanusiaan dan pengurusan.

UKM menumpukan kekuatan dalam bidang kesihatan dan perubatan (melalui HCTM dan HoSTAR), kelestarian alam sekitar, sains sosial dan dasar awam, inovasi teknologi serta pembelajaran sepanjang hayat. Dengan lebih 8,000 pelajar antarabangsa dari lebih 70 negara dan pengembangan ke peringkat global melalui UKM Jakarta dan UKM Qatar, UKM terus memainkan peranan penting dalam pembangunan mampan negara dan serantau.

Antara pencapaian utama termasuk kedudukan ke-53 dalam Times Higher Education (THE) Impact Rankings 2025, kedudukan 150 terbaik Asia (THE 2024), 300 terbaik dunia (QS 2025), serta penerima Anugerah Jenama Putra 2023 (Emas – Pendidikan Tinggi). UKM kini melangkah ke arah menjadi Universiti Watan Global yang berdaya saing di peringkat antarabangsa sambil mengekalkan nilai kebangsaan.

Laman web: www.ukm.my

Tentang Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)

Ditubuhkan pada Mac 1992, Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (MTDC) adalah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad, yang memfokuskan kepada pelaburan teknologi, pembangunan kapasiti, dan perkhidmatan nasihat untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). MTDC komited untuk memacu pertumbuhan Malaysia sebagai pelabur strategik dan penggerak teknologi mendalam (Deep Tech). Misi kami adalah untuk menyokong dan memperkasakan syarikat-syarikat Malaysia yang berasaskan teknologi melalui pelbagai perkhidmatan bersepadu:

1. **Pelaburan Strategik dan Pembiayaan:** MTDC menawarkan pelbagai dana termasuk Dana Perniagaan Permulaan (BSF), Dana Pertumbuhan Perniagaan (BGF), dan Dana Pembangunan Teknologi Halal (HTDF) untuk merangsang inovasi dan menyokong PKS dari peringkat awal hingga pertumbuhan.
2. **MTDC's Centre of 9 Pillars® (Co9P®):** Ruang inovatif yang menyediakan solusi Industri 4.0 terkini, membantu syarikat tempatan menavigasi landskap teknologi dan kekal kompetitif di peringkat global.
3. **Akademi Latihan Usahawan Teknologi (TENTRA):** MTDC membangunkan usahawan teknologi yang berkemahiran melalui program pembangunan kapasiti yang meningkatkan pengetahuan teknikal dan kemahiran sosial.
4. **Pusat Teknologi:** Pusat Teknologi MTDC di seluruh Malaysia berfungsi sebagai ekosistem dinamik di mana syarikat berasaskan teknologi boleh berkembang dan berkolaborasi, menawarkan infrastruktur dan sokongan yang komprehensif.
5. **Perkhidmatan Nasihat Perniagaan dan Teknologi:** MTDC menyediakan perkhidmatan konsultasi perniagaan dan nasihat teknologi, membimbing syarikat teknologi untuk memperluas operasi, mengkomersialkan inovasi, dan mencapai kejayaan jangka panjang.

Sebagai pemangkin pembangunan teknologi, MTDC terus memimpin inovasi dengan tumpuan kepada kolaborasi dan memastikan usaha teknologi memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi dan daya saing global Malaysia.

Untuk pertanyaan media lanjut, sila hubungi:

1. **Murniati Abu Karim**, Bahagian Hubungan Media dan Penerbitan Korporat, Pusat Komunikasi Korporat, UKM: +60 11-5111 3542 / murniati@ukm.edu.my
2. **Nur Haiqal Rawlins Una Abdullah**, Bahagian Hubungan Media dan Penerbitan Korporat, Pusat Komunikasi Korporat, UKM: +60 12-280 1977 / rawlins@ukm.edu.my
3. **Mariamah Hj. Daud** - Naib Presiden Eksekutif, Bahagian Strategi Korporat, MTDC: +6012-2800216 / mariamah@mtdc.com.my
4. **Munirah Abdullah Sani** – Naib Presiden, Komunikasi Korporat, MTDC: +6019-2687887 / munirah@mtdc.com.my